

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan bayar tuntutan MySalam RM936.12j

Kuala Lumpur: Kerajaan membayar tuntutan skim perlindungan takaful percuma MySalam berjumlah RM936.12 juta bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata tuntutan itu membabitkan 1.27 juta penerima manfaat merangkumi individu B40 serta pasangan berumur 18 hingga 65 tahun yang juga penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Beliau berkata, bayaran itu membabitkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, COVID-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

"Pembayaran tuntutan paling tinggi sebanyak RM382 juta dibuat pada 2022, yang memberi manfaat kepada 650,000 penerima, diikuti pada 2021 dengan

tuntutan RM246.72 juta melibatkan 365,000 penerima," katanya pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Dr Lingeswaran R Arunasalam mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Hui Ying berkata, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim MySalam tahun ini.

"Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi, iaitu 1.48 juta diikuti Johor sebanyak 1.34 juta dan Sarawak dengan 1.13 juta, manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan ialah 825,000 orang," katanya.

Selain itu, beliau berkata bilangan pembayar cukai yang me-



Hui Ying pada persidangan Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

nuntut potongan cukai bagi premium insurans nyawa untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019 sehingga 2023 secara purata ialah 2.14 juta setahun.

Potongan itu memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun, katanya.

Beliau berkata purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh yang sama ialah dua juta setahun, dengan memberi penjimatan cukai berjumlah RM611 juta setahun.

Hui Ying berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang menikmati potongan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun lalu.

BERNAMA

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kosmo/ KHAMIS 25 JULAI 2024

Negara/ 5

Golongan berpendapatan isi rumah kurang RM100,000 bakal terima manfaat

mySalam diperluaskan kepada M40

DEWAN NEGARA

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan memperluaskan skim perlindungan kesihatan masyarakat (mySalam) kepada golongan M40 yang berpendapatan isi rumah kurang RM100,000.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Yin berkata, perkara berkenaan akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pemegang Amanah mySalam sebelum diputuskan kerajaan.

Katanya, hal ini kerana, sebelum ini berdasarkan Surat Ikatan Amanah mySalam, manfaat skim ini hanya dikhususkan kepada golongan B40 sahaja.

"Walaupun kerajaan telah memutuskan supaya skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 pada 2019, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada 2020 berikutan penularan wabak Covid-19 dan



GOLONGAN M40 bakal menerima faedah skim mySalam apabila skim berkenaan diperluaskan. – GAMBAR HIASAN

kesannya yang lebih kepada golongan B40.

"Kewajaran sama ada skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 akan dipertimbangkan oleh lembaga pemegang amanah skim berkenaan sebelum diputuskan oleh kera-

jaan," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Sena-tor Dr. Wan Martina Wan Yusoff yang bertanyakan sama ada kerajaan berhasrat memperluaskan skim mySalam kepada golongan

M40.

Hui Ying berkata, setakat ini, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim mySalam.

"Berdasarkan pecahan, Selangor mencatat jumlah pener-

Info mySalam

- Skim perlindungan takaful percuma golongan B40
- Diperkenalkan sejak tahun 2019
- Terbuka kepada pasangan berumur 18 hingga 65 tahun
- Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR)
- Penerima layak dapat manfaat hospitalisasi RM50 sehari
- Layak terima RM8,000 secara *one-off* jika didiagnos 45 penyakit kritikal
- Bantuan kos peranti perubahan dengan had kelayakan RM30,000

ima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor (1.34 juta) dan Sarawak (1.13 juta).

"Sementara bilangan penerima layak bagi Kelantan adalah 825,000 orang," ujarnya.

Pada masa sama, beliau memberitahu, skim mySalam telah dilanjutkan pelaksanaannya bagi tempoh dua tahun sehingga tahun depan selaras dengan pengumuman semasa sesi Belanjawan 2024.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

4

Utusan Malaysia
KHAMIS • 25 JULAI 2024

Dalam Negeri

Naikkan lagi cukai minuman bergula

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Menaikkan cukai dalam semua jenis minuman bergula termasuk teh tarik di kedai mamak dan minuman 3 dalam 1 adalah antara langkah terbaik untuk mengawal pengambilan gula berlebihan dalam kalangan rakyat.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, walaupun langkah itu 'radikal' dan akan menyebabkan rakyat marah, tetapi itu antara cara terbaik yang boleh dilakukan masa ini.

Menurut beliau, cukai sebanyak 40 sen seliter ke atas minuman yang mengandungi gula melebihi lima gram bagi setiap 100 mililiter dan jus yang

mengandungi lebih 12 gram gula bagi setiap 100 mililiter yang dikenakan Malaysia ketika ini masih rendah.

"Dijangka kenaikan harga akibat cukai akan menurunkan penggunaan gula sebanyak hampir 10 peratus dan ini sudah tentu terbaik mengurangkan risiko penyakit terutama kencing manis," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, selepas mengenakan cukai dalam minuman bergula, kerajaan disaran mengkaji untuk mengenakan cukai dalam semua kuih atau masakan bergula yang digemari rakyat.

Kata Sharifa, tindakan agresif perlu memandangkan dilaporkan 5,000 hingga 10,000 pesakit kencing manis baharu setiap tahun dan perlu menjalani dialisis.



Walaupun langkah itu 'radikal' dan akan menyebabkan rakyat marah, tetapi itu antara cara terbaik yang boleh dilakukan masa ini."

SHARIFA EZAT WAN PUTEH

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan rakyat dewasa Malaysia mengambil gula 26 sudu sehari berbanding enam sudu seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu lebih sehingga 80

peratus pengambilan bahan itu.

Berdasarkan data platform World Population Review, Malaysia menduduki tempat ke-14 negara tertinggi dunia dalam pengambilan gula iaitu sebanyak 41.63 kilogram (kg) per kapita dalam setahun atau bersamaan 8,326 sudu teh gula.

Negara tertinggi mengambil gula ialah Barbados, Guatemala, Cuba, Belgium dan Kiribati.

Angka itu membuktikan penggunaan gula adalah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia sehingga mendorong satu daripada enam orang dewasa atau 15.6 peratus daripada populasi dewasa di negara ini didiagnosis sebagai pengidap diabetes seperti laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Arifin Omar berkata, sikap masyarakat Malaysia itu sendiri memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi kesihatan.

Menurut beliau, masyarakat digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan berhenti merokok.

"Merokok merupakan salah satu punca utama sakit jantung, kanser, kencing manis dan darah tinggi, jadi amalan merokok ini juga perlu dihentikan segera," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, belum ada cadangan untuk menaikkan lagi cukai gula.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
KHAMIS • 25 JULAI 2024

5

SIDANG DEWAN NEGARA



Kerajaan bayar RM1 bilion tuntutan pampasan MySalam

KUALA LUMPUR: Kerajaan membayar sebanyak RM936.12 juta tuntutan skim perlindungan takaful percuma, MySalam melibatkan 1.27 juta penerima manfaat bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, penerima manfaat itu melibatkan individu golongan berpendapatan rendah (B40) dan pasangan beru-

mur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Katanya, pembayaran tuntutan paling tinggi adalah RM382 juta pada 2022 untuk 650,000 penerima, diikuti RM246.72 juta (365,000 penerima).

"Bayaran ini melibatkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, Covid-19 dan tuntutan

kos peranti perubatan," katanya semasa sesi soal jawab lisan di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator R. A. Lingeshwaran mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Dalam pada itu, kata Hui Ying, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat skim MySalam

tahun ini.

Katanya, Selangor mencatat jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor (1.34 juta) dan Sarawak (1.13 juta) dan di Kelantan seramai 825,000 orang.

Menjawab soalan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang menikmati potongan cukai insurans perubatan dan nyawa, kata Hui Ying,

secara purata jumlahnya adalah 2.14 juta setahun.

"Potongan ini memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun.

"Purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh sama ialah dua juta setahun dengan penjimatan cukai RM611 juta setahun," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : GAYA

Oleh HALINA MD. NOOR
gayautusan@mediamula.com.my

SATU daripada tujuh dewasa di negara ini menderita penyakit buah pinggang kronik yang menyumbang kepada kadar kematian tinggi.

Pada 2022, lebih daripada 9,500 disahkan mengalami kegagalan buah pinggang tahap akhir (ESRD).

Jumlah pesakit ESRD dijangka mencecah 106,000 menjelang 2040 dan ia dijangka menelan kos sistem penjagaan kesihatan sebanyak RM3.2 bilion.

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Mohd. Azman Yacob berkata, amalan pemakanan dan gaya hidup tidak berdisiplin menjadi punca utama peningkatan berkenaan.

"Mewah dalam soal makanan dengan restoran beroperasi 24 jam menjadi antara punca semakin ramai golongan muda mengalami penyakit kronik yang akhirnya menyebabkan kegagalan buah pinggang.

"Generasi muda perlu dididik dengan amalan pemakanan sihat dan lebih berdisiplin dalam soal makanan bagi mengelakkan penyakit diabetes dan tekanan darah tinggi yang berkaitan dengan penyakit buah pinggang," katanya pada Persidangan Nutrisi Buah Pinggang ke 5 anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) baru-baru ini. Turut hadir, Pengerusi NKF, Datuk Dr. Zaki Morad dan Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Khor Xin Yun.

Persidangan itu platform penting bagi pengamal perubatan menerokai bagaimana nutrisi berkesan dalam menangani penyakit buah

Kadar kematian akibat buah pinggang bagi pesakit dialisis, lebih kurang 15 peratus setiap tahun dengan antara 16 hingga 17 peratus meninggal dunia akibat pelbagai faktor seperti jangkitan kuman.

pinggang dan mengurangkan kemerosotan organ itu.

Data NKF mendedahkan, kadar kematian akibat buah pinggang bagi pesakit dialisis, lebih kurang 15 peratus setiap tahun dengan antara 16 hingga 17 peratus meninggal dunia akibat pelbagai faktor seperti jangkitan kuman.

KESEDARAN & DIET

Pakar Nefrologi Universiti Malaya, Prof. Dr. Lim Soo Kun berkata, pesakit buah pinggang perlu diberikan pendedahan mengenai amalan pemakanan sihat atau diet untuk melindungi buah pinggang mereka.

Katanya, sebelum buah pinggang semakin teruk, doktor perlu memberi sedikit kesedaran kepada pesakit untuk mengawal pemakanan.

"Walaupun diet mereka tidak begitu ketat, pesakit perlu mengelakkan makan protein dan garam terlalu banyak.

"Jadi, apabila keadaan buah pinggang menjadi lebih teruk, maka secara tidak langsung pesakit akan lebih mudah untuk mengawal pemakanan



MEWAH dalam soal makanan menjadi antara punca semakin ramai golongan muda mengalami penyakit kronik y buah pinggang.

Gaya hidup punca buah pinggang rosak

mereka kerana sudah terlatih untuk berbuat demikian," katanya.

Ujarnya, diet pesakit buah pinggang bergantung kepada tahap penyakit buah pinggang yang dialami iaitu bermula daripada tahap satu hingga lima.

Tahap tiga-ke atas dianggap sebagai tahap serius.

Pesakit yang berada pada tahap serius iaitu tahap tiga ke atas, mempunyai keutamaan



LIM SOO KUN

untuk mengawal diet atau pengambilan pemakanan. Bagaimanapun, pesakit tidaklah diminta untuk mengawal semua pemakanan.

"Pesakit akan berputus asa sekiranya mereka diminta mengawal pemakanan sepenuhnya. Justeru, keutamaan dalam diet perlu ditentukan, apa yang perlu dikawal dan sebaliknya.

"Protein dan garam adalah sumber makanan paling penting untuk dikawal pengambilannya oleh pesakit buah pinggang. Bagaimanapun ramai pesakit tidak begitu faham mengenai kepentingannya," katanya.

PESAKIT TIDAK TAHU
Apa yang lebih mencabar



MARIA CHAN

apabila kebanyakan pesakit tidak tahu langsung mengenai apakah yang dikatakan protein dan sumbernya, menyebabkan mereka berdepan masalah untuk mengawal makanan.

Protein merangkumi sumber daripada haiwan seperti ayam, daging, ikan, telur dan produk tenusu.

Protein sumber daripada tumbuhan pula adalah yang diperbuat daripada kacang soya selerti tahu, tempe dan fucuk.

"Keperluan diet turut mengambil kira berat badan pesakit. Biasanya satu bahagian protein seperti ayam yang boleh dimakan pada satu masa adalah sebesar kotak mancis saja.

"Pesakit juga perlu tahu protein daripada jenis apa yang



AZMAN melawat salah satu reruai pameran di Persidangan Nutrisi Buah Pinggang ke lima anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF). - GAMBAR HALINA MD. NOOR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : GAYA



g mencetuskan kepada kegagalan

buah, sayur-sayuran dan bijirin penuh.

“Penuhkan separuh pinggan dengan sayur, kurangkan makanan berkanji atau karbohidrat ringkas. Sebaliknya makan karbohidrat kompleks yang ditambah dengan sayur yang dimasak atau salad,” katanya.

Pilih untuk makan nasi daripada beras perang kerana ia mengandungi lebih serat dan lebih berkhasiat.

Ia juga baik untuk kesihatan kardiovaskular.

Kata Dr. Maria, sesetengah individu, mereka mungkin tidak biasa makan beras perang kerana tidak berasa kenyang.

Sebagai pilihan, tiada salahnya mencampur beras putih dan beras perang.

Sekurang-kurangnya pesakit dapat lebih serat.

Dr. Maria berkata, warga emas yang mempunyai masalah buah pinggang tetapi belum menjalani dialisis juga masih perlu mengawal diet masing-masing terutama pengambilan protein, sodium dan potassium.

Bagaimanapun sekiranya masih bermasalah dalam pengambilan pemakanan atau tidak mempunyai selera, pakar dietetik perlu membantu menyediakan diet lebih realistik, mudah atau mengambil makanan tambahan.

“Apa yang penting pesakit perlu mengambil makanan mengandungi rendah protein, sodium dan potassium tetapi tinggi mengandungi kalori yang membantu mereka untuk merasa kenyang pada setiap hidangan.

“Minum susu formula boleh menjejaskan lagi buah pinggang kerana kandungan fosforus, potassium dan kalsium di dalam susu rendah lemak tidak sesuai untuk pesakit buah pinggang.

“Fosforus adalah mineral yang boleh berkumpul di dalam darah apabila buah pinggang tidak berfungsi dengan baik. Ini akan menyebabkan kalsium ditarik daripada tulang,” katanya.

BERI MOTIVASI

Kejayaan dalam mengawal diet boleh memberi motivasi dan semangat kepada pesakit untuk terus mengawal kesihatan buah pinggang daripada terus merosot dengan cepat.

Dr. Lim berkata, mengawal diet bagi pesakit adalah umpama marathon, tanpa galakan mereka akan mudah putus asa dan kembali kepada gaya pemakanan lama.

Ujarnya pembabitan dan sokongan keluarga penting untuk memastikan pesakit mengamalkan gaya pemakanan sihat.

“Kalau pesakit faham diet yang sihat tetapi keluarga tidak faham pun tidak berkesan.

“Sesetengah pesakit mungkin mengambil masa yang lama untuk mengubah gaya pemakanan.

“Pakar nefrologi tidak boleh menjalankan tanggungjawab memantau diet pesakit sendiri tetapi mereka perlu kerjasama dengan pakar pemakanan,” katanya.

Tegasnya, bukan semua pakar pemakanan memahami keperluan diet pesakit buah pinggang.

Kebanyakan mereka lebih terlatih dalam pengurusan diet pesakit diabetes.

Walaupun diabetes dan buah pinggang saling berkaitan tetapi ada perbezaannya daripada segi diet.

Tidak semua hospital mampu merancang diet untuk pesakit buah pinggang dengan teliti kerana tiada pakar pemakanan, jadi pengurusan diet pesakit buah pinggang dijalankan secara am saja.

“Kita hendak lebih ramai pakar dan dietitian faham kepentingan kawalan diet ini.

“Walaupun kini terdapat ubat yang berkesan untuk melindungi buah pinggang dan jantung, namun jika tidak menjaga pemakanan, ubat tidak berkesan sepenuhnya,” katanya.



PROTEIN

Kenapa perlu hadkan protein:

- » Buah pinggang tidak boleh menyingkirkan sisa daripada protein. Ini menyebabkan lebihan sisa protein berkumpul dalam darah menyebabkan rasa loya, hilang selera makan, lemah dan deria rasa berubah.

Sumber protein tumbuhan:

- » Kacang hijau
- » Kekacang seperti kacang hijau, kacang hitam,
- » Lentil
- » Yis pemakanan
- » Kacang dan mentega kacang
- » Quinoa
- » Tauhu dan tempe (kedua-duanya berasaskan soya)

Sumber fosforus:

- » Hadkan kepada satu cawan seminggu
- » Kekacang kering
- » Brokoli
- » Cendawan
- » Fucuk Brussels

Sumber potassium:

- » Sayur hijau
- » Kekacang
- » Pisang
- » Anggur
- » Durian
- » Kurma
- » Ubi kayu

Hindari garam:

- » Jangan masukkan garam ketika memasak
- » Jangan tambah garam dalam makanan
- » Elakkan makanan yang mengandungi 300mg sodium bagi setiap hidangan
- » Elak makan makanan dalam tin
- » Elakkan makanan diproses seperti sosej, nuget, burger
- » Jangan gunakan garam laut sebagai pengganti garam biasa



PESAKIT yang bermasalah bergerak, senaman berdasarkan kaedah fisiologi diperlukan.

lebih baik.

“Pesakit perlu campur sumber protein haiwan dan sayur ke dalam hidangan. Tidak boleh makan protein haiwan saja. Memang ada kajian, orang yang makan dari protein tumbuhan, buah pinggang lebih sihat,” kata Dr. Lim.

Tambahnya, selain itu, pengambilan daging merah juga perlu dielakkan.

Banyak kajian menunjukkan, pesakit buah pinggang yang makan daging merah akan menjadikan buah pinggang bertambah teruk.

Pesakit perlu mengubah diet secara sedikit demi sedikit kerana memang sukar untuk mengamalkannya secara sempurna.

Mengamalkan diet dalam 30 hingga 60 peratus sudah cukup baik berbanding tidak melakukannya langsung.

Pakat Diet Nefrologi, Universiti Wollongong Australia, Dr. Maria Chan berkata, matlamat diet bagi pesakit buah pinggang adalah untuk menambah makanan berasaskan tumbuh-tumbuhan dalam setiap hidangan.

“Bagi melindungi buah pinggang daripada cepat merosot daripada fungsinya dan jantung pesakit, diet dicadangkan adalah untuk makan lebih banyak buah-

Aktiviti fizikal perlu walaupun terlantar

SELAIN daripada diet sihat, pesakit dengan berat badan berlebihan perlu mengurangkan berat.

Bagaimanapun, ia perlu dilakukan dengan bantuan pakar pemakanan bagi mengelakkan pengurangan tidak terkawal.

“Kurangkan masa berbaring atau duduk

lama di kerusi seperti di hadapan televisyen atau depan komputer, menjahit dan sebagainya. Lakukan aktiviti seperti mengangkat berat berbanding berjalan kaki kerana ia lebih praktikal.

“Bagi yang bermasalah bergerak, senaman berdasarkan kaedah fisiologi diperlukan. Pesakit perlu

melakukan senaman sekurang-kurangnya 150 hingga 300 minit dalam seminggu untuk memastikan kecergasan badan,” kata Dr. Maria.

Pergerakan aktiviti memberi manfaat dalam meningkatkan kecergasan, meningkatkan kualiti hidup dan meningkatkan kesihatan kardio metabolik.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

SIDANG DEWAN NEGARA **Sinar** TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU RERUBAHAN
Harlan

Tuntutan skim MySalam RM936.12 juta

Libatkan 1.27 juta
penerima STR
melibatkan individu B40

KUALA LUMPUR

Kerajaan telah membayar tuntutan skim perlindungan takaful percuma MySalam berjumlah RM936.12 juta bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, tuntutan itu melibatkan 1.27 juta penerima manfaat merangkumi individu B40 serta pasangan berumur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Beliau berkata, bayaran itu melibatkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, Covid-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

"Pembayaran tuntutan paling tinggi sebanyak RM382 juta dibuat pada 2022 yang memberi manfaat kepada 650,000 penerima, diikuti pada 2021 dengan tuntutan RM246.72 juta melibatkan 365,000 penerima," katanya ketika sidang Dewan Negara pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan



Hui Ying ketika Persidangan Dewan Negara sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas di Bangunan Parlimen pada Rabu.

Senator Dr Lingeswaran R Arunasalam mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Hui Ying berkata, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim MySalam tahun ini.

"Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor sebanyak 1.34 juta dan Sarawak dengan 1.13 juta, manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan ialah 825,000 orang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, bilangan pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans nyawa untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019

sehingga 2023 secara purata ialah 2.14 juta setahun.

"Potongan itu memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun," katanya.

Beliau berkata, purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh sama adalah dua juta setahun dengan memberi penjimatan cukai berjumlah RM611 juta setahun.

Hui Ying berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang telah menikmati potongan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun lepas.
- Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION

103 kids sick over bad nasi lemak

KOTA KINABALU: Over 100 pupils had food poisoning after consuming nasi lemak served at a school here, says Datuk Dr Asits Sanna.

The Sabah Health Department director said their investigators found the children had eaten the food at 9.50am on Monday.

He said the Kota Kinabalu health office were then notified by clinics and government hospitals in the area of the outbreak later at 2.09pm.

"The outbreak involved 103 pupils at a primary school in Pulau Gaya," he said in a statement yesterday.

"They showed symptoms such as vomiting, diarrhea and stomach ache.

"Eight pupils were warded while 95 children received outpatient treatment.

"The pupils, aged between six and 12, are in stable condition with no fatalities reported," said Dr Asits.

He added the full history of the pupils' movements and exposure to food items are still under investigation.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : VIEWS

Amendment of the Medical Act 1971

THE College of Physicians of Malaysia wishes to thank the Honorable Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad for the successful amendment of the Medical Act 1971.

We laud the dedicated efforts of the Honourable Health Minister in pursuing a solution which greatly strengthens post-graduate medical training in Malaysia.

These amendments mark a way forward in Malaysian healthcare by fostering mutual trust and respect within the profession.

The College envisions this as a big step towards self-regulation within the profession which will only serve to enhance the standards and quality of healthcare in the country.

The College of Physicians is steadfastly committed to the cause of training subspecialists and specialists in Internal Medicine, and will continue to assist the other specialties under the umbrella of the College such as Psychiatry, Rehabilitative medicine and Oncology.

The College welcomes the opportunity to participate in efforts towards devising a long-term synergistic strategy. Malaysia will be stronger and stands to gain with everyone coming together and working together.

It remains crucial that we build upon this momentum and collaborate with all stakeholders to support the Honorable Health Minister to ensure effective implementation of these reforms.

This will go a long way in ensuring that Malaysia continues to maintain its excellent international reputation in the quality of our healthcare and ensure that the medical fraternity fulfills its great potential in becoming global leaders in medical care.

COUNCIL
College of Physicians
Malaysia

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATIONAL

Over RM936m paid for MySalam claims

KUALA LUMPUR: The government has paid RM936.12 million for claims under the MySalam scheme from 2019 to December 2023, according to the Finance Ministry.

Deputy Finance Minister Lim Hui Ying said the total claims involved 1.27 million beneficiaries, including B40 individuals and their spouses between the ages 18 to 65, who are recipients of the Rahmah Cash Contribution.

She said the payment involved claims for hospitalisation benefits, critical illness, patients under investigation and Covid-19, as well as claims for medical device costs.

The year 2022 recorded the highest claims payment of RM382 million, which benefited 650,000 beneficiaries, followed by 2021 with claims of RM246.72 million for 365,000 beneficiaries, she said in the Senate yesterday.

She was replying to Senator Dr Lingeswaran R. Arunasalam's supplementary question regarding the amount of compensation paid by the government.

According to Lim, it is estimated that more than 10.92 million Malaysians comprising the B40 group are eligible to receive benefits from the MySalam scheme this year.

"Selangor registered the highest number of eligible recipients at 1.48 million, followed by Johor at 1.34 million and Sarawak at 1.13 million, while Kelantan's number of eligible recipients stood at 825,000," she added.

Meanwhile, Lim said the average number of taxpayers claiming tax deductions for life insurance premiums for the assessment years 2019 to 2023 stood at 2.14 million per year.

She said the deductions would amount to tax payment savings of RM635 million per year.

-Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

4 THURSDAY | JULY 25, 2024
NATIONAL

Cases of heat-related illnesses rise to 112

KUALA LUMPUR: Monitoring as of Tuesday showed an increase in heat-related illnesses, with cases rising to 112 from 109 on July 16.

In a brief report on the hot weather status, the National Disaster Management Agency (Nadma) said from the total cases, 26 were heat stroke, 78 were heat exhaustion and eight were heat cramps.

The total number of heat stroke related deaths remains at five, with no new fatalities reported this week.

"No cases are currently being treated in hospital. All cases have received treatment and have fully recovered," Nadma said.

Regarding the weather forecast up to July 29, the agency said two tropical cyclones, classified as typhoons and tropical storms, are active in the northeast of the Philippines and the South China Sea. – Bernama